



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

TAKLIMAT

BERKAITAN KESALAHAN-KESALAHAN UTAMA DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) 2009

23 Mei 2022 (ISNIN)

KURSUS PENGURUSAN, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH
SECARA ATAS TALIAN (MICROSOFT TEAMS)

UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI


Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan 5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya


Tel: 03 8870 6770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Latar Belakang SPRM





| Transformasi **undang-undang** pencegahan rasuah |

SPRM NEGERI

&

CAWANGAN



VISI SPRM

1. Mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah.

2. Menjadikan SPRM agensi pencegahan rasuah bertaraf dunia.

MISI SPRM

1. Menerajui usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

2. Menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.


Fungsi SPRM

Menjalankan **siasatan**.

Mendidik dan mendapatkan sokongan masyarakat dalam memerangi rasuah.

- 01 Menerima **aduan kes rasuah** dan salah guna kedudukan.
- 02 Menyediakan khidmat perundingan dan nasihat untuk **menambahbaik** sistem, prosedur dan tatacara yang lemah.
- 03
- 04

Prinsip pengasingan kuasa





CREATED USING
POWTOON 

Definisi RASUAH secara umum

Rasuah




Penerimaan atau pemberian **suapan** (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

ELEMEN RASUAH

- **Pemberi** rasuah
- **Penerima** rasuah
- **Suapan** - dalam pelbagai bentuk
- **Balasan** - tujuan rasuah diberi atau diterima
- ***Mens rea*** - niat jahat. Elemen paling penting dan paling susah dibuktikan dalam siasatan kes rasuah

Di MALAYSIA, rasuah juga dikenali dengan **nama-nama** berikut:



BENTUK RASUAH





1

Meminta/ Menerima Rasuah



Mana-mana orang **meminta / menerima** suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.

ILUSTRASI 1

- Seorang kerani bank menerima RM500 daripada pemohon pinjaman.
- Sebagai upah memastikan permohonan pinjamannya diluluskan oleh pihak bank.

ILUSTRASI 2

- Pegawai Bahagian Kewangan menerima wang berjumlah RM600 daripada seorang kontraktor.
- Sebagai upah mempercepatkan tuntutan bayaran kontraktor itu yang menjalankan kerja-kerja membaik pulih bilik pejabat.

ILUSTRASI 3

- Setiausaha Politik kepada seorang menteri menerima komisen (2% daripada nilai projek) daripada kontraktor.
- Sebagai balasan Setiausaha Politik memastikan kontraktor mendapat projek di kementerian terbabit.

ILUSTRASI 4

- Pengajar pusat latihan memandu meminta dan menerima suapan wang tunai berjumlah RM1,000.
- Sebagai upah untuk mendapatkan lesen memandu tanpa menghadiri ujian memandu (gerenti lulus).

2

Menawar/ Memberi Rasuah



Mana-mana orang **menawar / memberi** rasuah kepada seorang ejen / pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan tugas rasmi pegawai awam tersebut.

ILUSTRASI 1

- Seorang peniaga runcit memberi wang rasuah sebanyak RM500 kepada penguatkuasa Kastam.
- Supaya beliau tidak ditangkap atas kesalahan memiliki rokok seludup.

ILUSTRASI 2

- Pengurus kelab malam menawarkan dan memberi wang rasuah kepada penguat kuasa PBT.
- Bertujuan agar tidak diambil tindakan terhadapnya yang melanggar syarat-syarat permit perniagaan yang ditetapkan.

ILUSTRASI 3

- Seorang pemandu memberi wang rasuah RM100 kepada anggota Polis.
- Sebagai balasan untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang kerana memandu kenderaan yang telah tamat tempoh cukai jalan.

ILUSTRASI 4

- Seorang calon majlis tertinggi parti politik telah memberi rasuah RM1,000 kepada lima ahli parti.
- Rasuah bertujuan ahli terbabit mengundinya dalam pemilihan jawatan dalam parti.

3

Tuntutan Palsu



Mana-mana orang menggunakan / mengemukakan dokumen **tuntutan** yang mempunyai **butiran palsu** dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya.

Sek. 18 ASPRM 2009

ILUSTRASI 1

Menuntut bayaran bagi barang yang belum lagi dihantar

- Pembekal mengemukakan dokumen Pesanan Kerajaan kepada jabatan kerajaan.
- Pembekal menuntut bayaran bagi pembekalan pakaian sukan serta pakaian seragam sekolah.
- Sebenarnya, pembekalan tidak dibuat.

ILUSTRASI 2

Tuntutan bayaran penuh, padahal barang tidak cukup bilangan atau tidak ikut spesifikasi

- Kontraktor mengemukakan dokumen pesanan kerajaan bagi tuntutan bayaran bagi kerja-kerja menggantikan 20 buah pintu bilik di pejabat.
- Padahal, kontraktor tersebut hanya menggantikan 10 buah pintu bilik sahaja.

ILUSTRASI 3

Tuntutan palsu melibatkan bayaran kemajuan

- Kontraktor mengemukakan tuntutan bayaran kemajuan 50%.
- Sebenarnya, kemajuan pembinaan sebenar hanya 20% sahaja.

ILUSTRASI 4

Tuntutan palsu melibatkan ahli politik

- Seorang ADUN menuntut elaun sidang DUN. Sebenarnya beliau tidak hadir ke sidang tersebut.
- Seorang EXCO membuat tuntutan daripada peruntukan ADUN. Kononnya, beliau melaksanakan program untuk kawasannya. Sebenarnya, program tidak dibuat.

4

Salah Guna Kuasa oleh Pegawai Awam



Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

'Saudara' termasuk...

- a. isteri atau suami pegawai awam itu;
- b. adik atau abang atau kakak pegawai awam itu;
- c. adik atau abang atau kakak isteri atau suami pegawai awam itu;
- d. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan pegawai awam itu;
- e. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami pegawai awam itu;
- f. orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 'b';
- g. bapa saudara, emak saudara atau sepupu pegawai awam itu; dan
- h. menantu pegawai awam itu.

ILUSTRASI 1

Dalam satu mesyuarat tender, pengurus mesyuarat selaku YDP Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan jawatan beliau dengan meluluskan projek pembinaan rumah kos rendah kepada syarikat XXX Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh isterinya.

ILUSTRASI 2

Pengarah Kewangan sebuah syarikat milik kerajaan (GLC) meluluskan pemberian projek kepada syarikat anaknya.

ILUSTRASI 3

- Seorang Menteri meluluskan hak milik tanah kepada anaknya.
- Exco terlibat dalam mesyuarat yang membuat meluluskan permohonan tanahnya sendiri.
- Exco mencadangkan syarikat milik abangnya untuk diberikan projek kerajaan negeri.

RASUAH: JIKA BERSALAH...



PENJARA tidak lebih
20 tahun; **DAN**

DENDA 5 kali ganda nilai
suapan, atau RM10,000,
mana yang lebih tinggi.



ILUSTRASI HUKUMAN 1

Jika jumlah suapan RM5,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM25,000 (RM5,000 x 5 kali suapan).

ILUSTRASI HUKUMAN 2

Jika jumlah suapan adalah RM1,000, maka hukuman adalah penjara dan denda RM10,000.

Ini kerana, $\text{RM}1,000 \times 5$ hanya RM5,000. Oleh kerana jumlahnya kurang daripada RM10,000 (nilai minimum), maka RM10,000 adalah denda yang akan dikenakan.

CREATED USING
POWTOON 

Pasangan pensyarah mengaku terbabit rasuah

ALOR SETAR: Sepasang suami isteri mengaku salah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dakwaan terbabit rasuah dalam kontrak pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik bernilai RM34,250.25 di Kolej [REDACTED] dekat sini.

[REDACTED] dan suami, [REDACTED], masing-masing bekas pensyarah di [REDACTED] dan kini mengajar di sebuah politeknik di Pulau Pinang, didakwa melakukan kesalahan itu secara berasingan pada Jun 2012.

[REDACTED] didakwa menggunakan kedudukan masing-masing untuk mendapatkan suapan bagi saudara mereka, dengan menyediakan Pesanan Kerajaan bernombor P12000029 ke atas kontrak oleh syarikat RHA Sepakat Enterprise yang kepentingannya dimiliki [REDACTED] kandung tertuduh pertama.

Pasangan itu didakwa secara berasingan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

DISYORKAN UNTUK ANDA

Jika sabit kesalahan, kedua-duanya boleh dipenjarा sehingga 20 tahun atau denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang mana lebih tinggi.

Ketika pertuduhan dibacakan, [REDACTED] n merayu hukuman diringankan terutama untuk tidak dipenjarakan berikutan empat anak mereka masih kecil, termasuk yang bongsu berusia dua tahun dan masih menyusu.


Pengarah politeknik didakwa rasuah

SEREMBAN- Seorang pengarah sebuah politeknik didakwa di Mahkamah Seksyen di sini hari ini atas tujuh tuduhan rasuah membabitkan pelantikan syarikat pembekalan dan perkhidmatan serta menerima wang suapan berjumlah RM15,000 pada 2018.

Bagaimanapun, tertuduh, [REDACTED], mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas semua tuduhan dibacakan di hadapan Hakim Madihah Harullah.

Mengikut pertuduhan pertama hingga keempat, [REDACTED] didakwa menggunakan kedudukannya untuk memilih empat syarikat iaitu Unggul Merah Mewah Resources Sdn. Bhd., Sinar Jaya Niaga Resources, Excellent Shark dan Pasar Segar Adik Nurr yang mempunyai hubungan dengannya.

Syarikat itu dilantik bagi membekalkan perkhidmatan dan pembekalan untuk Bengkel Programmable Logic Controller (PLC) & Internet Of Things, Bengkel Penyelenggaraan Sistem Automasi, menyediakan tenaga pengajar bagi kursus aplikasi PLC dan membekalkan barang serta komponen bagi kursus berkenaan.



Tertuduh

No Pengenalan Diri 800120-03-XXXX

Jantina Perempuan

Warganegara Malaysia

Negeri Kelantan

Kategori Penjawat Awam

Majikan Politeknik

Jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17

Mahkamah 1. Mahkamah Sesyen Kota Bharu

Hakim 1. Tuan Zaman bin Mohd Noor

Timbalan Pendakwa Raya / Pegawai Pendakwa 1. TPR Nor Hamizah binti Ghazali

Peguam Bela 1. Tiada maklumat

Sabitan Lampau Tiada

Tarikh Jatuh Hukuman 2020-06-23

Rayuan

#	No Kes	Ringkasan Pertuduhan	Kesalahan	Hukuman
1	DA-61R-2-07/2019	PERTUDUHAN PINDAAN PERTAMA Pada 24 Mac 2013, jam antara 8.00 pagi hingga 5.00 petang, di pejabat [redacted] (Kewangan) Sebagai Embanita Rasmi (Kewangan)	Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009	PINDAAN PERTAMA Penjara satu tahun dari tarikh sabitan dan denda RM10,000 jika gagal bayar penjara 6 bulan bagi setiap pertuduhan

Data Pesalah Rasuah

Tertuduh

No Pengenalan Diri 81030201XXXX

Jantina Lelaki

Warganegara Malaysia

Negeri Melaka

Kategori Penjawat Awam

Majikan Politeknik

Jawatan Pensyarah

Mahkamah 1. Mahkamah Sesyen I Melaka

Hakim 1. Dato' Hj. Mohd Nasir Bin Nordin

Timbalan Pendakwa Raya / Pegawai Pendakwa 1. TPR Francine Cheryl A/P Rajendram

Peguam Bela 1. Hj. Rosli Bin Kamaruddin (Rosli Kamaruddin & Co)

Sabitan Lampau -

Tarikh Jatuh Hukuman 2021-02-26

Rayuan

#	No Kes	Ringkasan Pertuduhan	Kesalahan	Hukuman

TAKLIMAT
BERKAITAN KESALAHAN-KESALAHAN UTAMA DI BAWAH
AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) 2009
SEMPENA SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA
PERINGKAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI TAHUN 2021

SESI SOAL JAWAB

UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan 5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya

Tel: 03 8870 6770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI DI TALIAN:

 **03-8870 6216**
 **013-480 7016**
 **norhushaffiz@sprm.gov.my**

**NORHUSHAFFIZ BIN HUSSIN
KETUA UNIT INTEGRITI, KPT**

UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan 5/6, Presint 5, 62200 W.P Putrajaya

Tel: 03 8870 6770 / 6144 | Emel: integriti.kpt@mohe.gov.my